




# LAPORAN TAHUNAN 2016

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA





The cover features a teal background with a central white circle containing the title. The circle is surrounded by concentric circles and a network of black lines with dots, resembling a circuit board or data network. The text is centered within the white circle.

# LAPORAN TAHUNAN **2016**

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA

# 01

## Profil Korporat

---

Visi, Misi, Objektif Dan Fungsi JPK	3
Piagam Pelanggan Dan Dasar Kualiti JPK	4
Carta Organisasi	5
MPKK	8

# 02

## Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

---

Pentauliahan	14
Persijilan	19

# 03

## Pemeriksaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

---

Pembangunan Dokumen Kerangka Pekerjaan	27
Pembangunan <i>National Occupational Skills Standard ( NOSS )</i>	28
Artikulasi Program Kemahiran	29
<i>National Blue Ocean Strategy (NBOS)</i>	29
Sistem Akreditasi Tunggal	34
<i>Malaysia Board of Technologists (MBOT)</i>	34
<i>E-Training</i>	35
Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran	36
Penyertaan JPK Di Peringkat Antarabangsa	37
Pematuhan Terhadap Dasar Dan Peruntukan Perundangan Di Bawah Akta 652	38
Projek Pembangunan JPK Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-11	39
Mengkaji Keberkesanan Projek Pembangunan Melalui Kajian Penilaian Outcome	40
Program Pemeriksaan Pentauliahan Dan Pensijilan Kemahiran Malaysia	42

# 04

## Pemeriksaan Personel Kemahiran

---

Latihan Pra-Perkhidmatan Kursus VTO	49
Latihan Dalam Perkhidmatan	50
Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (e-Profiling)	59
Pengurusan Personel Lantikan	62
Program Antarabangsa	65

# 05

## Kolaborasi Strategik

---

<i>Industry Lead Body (ILB)</i>	73
Jalinan Kerjasama Dengan Agensi Dan Industri	74

**06**

## Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM)

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM)	79
<i>ASEAN Skills Competition (ASC) 2016</i>	79
<i>World Skills Competition (WSC) 2017</i>	99

**07**

## Pengurusan Sumber Manusia

Perjawatan	103
<i>Human Resources Management Information System (HRMIS)</i>	104
Kenaikan Pangkat Dan Pemangkuan	104
Pengurniaan Darjah Kebesaran	105
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	105
Jasamu Dikenang	107
Dalam Kenangan	108

**08**

## Program Outreach

Program Kesedaran Bagi Memartabatkan Latihan Kemahiran	111
Majlis Konvokesyen	115
Seminar	117
Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan	118
Aktiviti JPK Wilayah	120

**09**

## Penerbitan, Artikel Dan Penyiaran

Terbitan Melalui Media Elektronik	134
Rancangan di TV1 & Astro Awani	136
Terbitan Infokit	137
Penerbitan Video	138
Media Sosial	139

PENERBIT:

**Jabatan Pembangunan Kemahiran**

KETUA EDITOR:

**Dr. Ruminah Binti Muhammad Zain**

TIMBALAN KETUA EDITOR:

**Pn. Molinda Binti Abd. Rahman**

EDITOR:

**En. Mohd Nawi Bin Isa**

**Pn. Norisniwati Binti Ab. Rahim**

**Pn. Nor Asmah Binti Daud**

**Pn. Nurhida Binti Shahrudin**

**Pn. Norlida Binti Musa**

PENGARANG:

**Cik Shiadri Binti Saleh@Aman**

**Pn. Norazreen Binti Othman**

**Cik Harlinda Binti Helman**

**Pn. Lili Munira Binti Mat Yusuf**

**Cik Airin Binti Jalani**

**Pn. Suliyana Binti Saraman**

**En. Mohd Sipulizan Bin Harun**

**Pn. Fatimazuraida Binti Abd Rahman**

**Pn. Norshymah Binti Osman**

**En. Grenson Philip Angkok**

**En. Nicholas Anak Bali**

**Pn. Zalina Binti Abdul Rahman**

**Pn. Norhidayah Binti Mohd Zain**

**En. Mohd Azha Bin Mohamad Salleh**

**En. Mad Zufri Bin Ismail**

**Pn. Zaidah Binti Rakon**

URUSETIA:

**Pn. Susana Ling Hie King**

**Cik Ashikin Binti Mohd Said**

**En. Ahmad Fadhil Bin Ismail**



**PERUTUSAN**  
**KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  

---

**EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN**



## PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

### **Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,**

Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan rahmatNYA jua, Buku Laporan Tahunan 2016 berjaya dihasilkan. Penerbitan naskah tahunan ini merupakan satu memori indah yang merakamkan perjalanan program dan aktiviti Jabatan sepanjang tahun 2016.

Sekalung tahniah dan penghargaan saya ucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan ini.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2016 bagi meneruskan misi mengurusperdanakan latihan kemahiran di Malaysia. Lapan (8) bahagian di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan dibantu oleh enam (6) pejabat wilayah bergerak bergandingan untuk mencapai matlamat tersebut. Alhamdulillah, program utama jabatan iaitu melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dapat dipertingkatkan pelaksanaannya dari masa kesemasa.

Detik gemilang juga telah dicapai pada tahun 2016 dengan menjadi juara keseluruhan ASEAN *Skills Competition* 2016 dengan Malaysia merangkul sebanyak 22 pingat emas. Lebih manis lagi ia diukir ketika Kuala Lumpur menjadi tuan rumah pada pertandingan yang diadakan pada kali ini. Peningkatan bilangan emas yang diperolehi ini memberi isyarat jelas kepada masyarakat antarabangsa amnya dan rakyat Malaysia khususnya bahawa Malaysia ketika ini sangat serius dalam membangunkan tenaga mahir dan ia dizahirkan melalui pungutan pingat emas yang diperolehi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua warga JPK kerana telah memberikan komitmen dan kerjasama yang padu dalam mengalas amanah yang diberikan. Semoga JPK akan terus melakar lebih banyak potret kejayaan sebagai agensi peneraju dalam memartabatkan latihan kemahiran di Malaysia.

Sekian

KPPK  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

**BAB**

**01**



# PROFIL KORPORAT



# PROFIL KORPORAT

## VISI , MISI , OBJEKTIF



### **VISI**

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia



### **MISI**

Membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan (K-Pekerja) dan berdaya saing



### **OBJEKTIF**

- i) Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
- ii) Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara.



## FUNGSI

- Menilai keperluan latihan
- Melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- Mempromosi sistem latihan kemahiran
- Membantu meningkatkan keupayaan kemahiran individu
- Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan latihan kemahiran; dan
- Membangun, melulus dan menyemak *Standard* Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)

## PIAGAM PELANGGAN

Membangunkan sumber manusia mahir dan berkualiti melalui pembangunan *Standard* Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap pembangunan NOSS dalam tempoh enam (6) bulan bagi setiap NOSS

Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentauliahan program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

90%

## DASAR KUALITI JABATAN

JPK beritizam untuk melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dengan cepak, telus, berkesan dan berkualiti bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan dan selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang diwujudkan.

JPK juga komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas SPK dan menilai semua objektif kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan sesuai selaras dengan perubahan teknologi dan kehendak pelanggan dari semasa ke semasa.

# CARTA ORGANISASI



**KETUA PENGARAH**  
EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN



**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(OPERASI)**  
DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH



**PENGARAH CIAST**  
EN. SUIMI BIN ABDUL MAJID



**PENGARAH BAHAGIAN PEJABAT  
PEMANTAUAN PROJEK (PMO)**  
DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN



**PENGARAH BAHAGIAN KELAYAKAN  
KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA  
(MOSQ)**  
PN. ZULEAH BT DARSONG



**PENGARAH BAHAGIAN SISTEM  
LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)**  
EN. MOHAMAD BIN YAACOB



**PENGARAH BAHAGIAN STANDARD  
KEMAHIRAN PEKERJAAN  
KEBANGSAAN (NOSS)**  
EN. OMAR BIN JUSOH



**PENGARAH BAHAGIAN  
KERJASAMA STRATEGIK (BKS)**  
EN. MOHD SUKRI BIN ISMAIL



**PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN DAN SUMBER  
MANUSIA (KPSM)**  
PN. SAPINAH BT YUSOFF



**PENGARAH BAHAGIAN  
PENGUATKUASA DAN KAWAL  
SELIA (P&KS)**  
EN. KAMALUDIN BIN TOMIRAN



**PENGARAH BAHAGIAN  
PERANCANGAN, PENYELIDIKAN  
& PEMBANGUNAN (PP&P)**  
DR. RUMINAH BT MUHAMMAD ZAIN



**PENGARAH WILAYAH TENGAH**  
PN. MEENA A/P RAMALINGAM



**PENGARAH WILAYAH SELATAN**  
EN. ABDUL HALIM BIN HASAN



**PENGARAH WILAYAH TIMUR**  
PN. WAN FADZILAH BT WAN DAGANG



**PENGARAH WILAYAH UTARA**  
EN. MOHD AZMIR BIN AHMAD




**PENGARAH WILAYAH SARAWAK**  
EN. ZAID BIN MAT SAN



**PENGARAH WILAYAH SABAH**  
EN. MOHD AZMI BIN PELAH

# MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)



MPKK ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan fungsinya:-

01

Meluluskan Standard

Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini;

02

03

Menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujuk kepada Menteri; dan

Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

04

Anggota Majlis bagi penggal 2013 dan 2016 telah tamat tempoh pelantikan keanggotaan pada 15 Ogos 2016. Anggota Majlis baharu telah dilantik bagi tempoh 16 Ogos 2016 hingga 15 Ogos 2019. Perincian adalah seperti di Jadual 1.1 dan Jadual 1.2.

## Anggota Majlis MPKK Bagi Tempoh 2013-2016

BIL	ANGGOTA MAJLIS	AGENSI
1.	YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman	Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (KSM) - Pengerusi
2.	YBrs. Dr. Mohd Gazali bin Abas	Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KSM - Timbalan Pengerusi
3.	YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong	Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
4.	En. Amir bin Omar	Unit Perancang Ekonomi (UPE)

5.	YBhg. Datin Dr. Roslina binti Ahmad Mokhtar	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
6.	Pn. Hajah Zalihar binti Abdul Ghani	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
7.	Tn. Hj. Mohd Ghaus bin Ab Kadir	Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
8.	Tn. Hj. Zainuddin bin Yahaya	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
9.	Tn. Hj. Mohamed Roseli bin Dol	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
10.	En. Jamal Harizan bin Yang Razali	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)
11.	En. Mohd Nazli bin Ahmad Mahyadin	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
12.	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred	The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM)
13.	En. Daniel Bernbeck	Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC)
14.	En. Davies Danavaindram a/l Arputhasamy	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
15.	YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw	ASEAN Engineering Register (AER)
16.	En. Mohd Jafar bin Abd Majid	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
17.	YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan	Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
18.	En. Sailanatan a/l Podian	Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC)
19.	Pn. Sarojini Ruth Rajahser	National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM)
20.	YBhg. Datu Haji Abang Halmi Tan Sri Ikhwan	Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS)
21.	YBhg. Datuk Seri Panglima Wong Khen Thau	ASEAN Engineering Register (AER)

Jadual 1.1: Anggota Majlis MPKK Bagi Tempoh 2013-2016

### Anggota Majlis MPKK Lantikan Baharu Bagi Tempoh 2016-2019

BIL	ANGGOTA MAJLIS	AGENSI
1.	YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman	Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (KSM) - Pengerusi
2.	YBrs. Dr. Mohd Gazali bin Abas	Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KSM - Timbalan Pengerusi
3.	YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong	Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
4.	En. Amir bin Omar	Unit Perancang Ekonomi (UPE)
5.	YBhg. Datin Dr. Roslina binti Ahmad Mokhtar	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
6.	En. Zainuren bin Hj Mohd Nor	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

7.	YBrs. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub	Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
8.	Tn. Hj. Zainuddin bin Yahaya	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
9.	En. Mahzan bin Teh	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
10.	En. Jamal Harizan bin Yang Razali	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)
11.	En. Mohd Nazli bin Ahmad Mahyadin	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
12.	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred	The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM)
13.	YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw	Persatuan Teknologi Malaysia (TAM)
14.	YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan	Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
15.	YBhg. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
16.	En. Davies Danavaindram a/l Arputhasamy	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
17.	En. Johann Daniel Maximilian Bernbeck	Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC)
18.	En. Sailanatan a/l Podian	Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC)
19.	Pn. Sarojini Ruth Rajahser	National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM)
20.	YBhg. Datuk Dr. Mohd Yaakub Hj. Johari	Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)
21.	YBrs. Dr. Ngui Kwang Sing	Sarawak Chamber of Commerce & Industry (SCCI)

Jadual 1.2: Anggota Majlis MPKK Lantikan Baharu Bagi Tempoh 2016-2019

### Tiga (3) Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memperkasakan peranan MPKK iaitu:

#### (a) Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK)

Bertanggungjawab terhadap permohonan bagi penilaian penyeteraan program persijilan kemahiran Malaysia dengan kelayakan kemahiran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia (kecuali bagi program atau kelayakan yang dikeluarkan oleh badan profesional seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga dan lain-lain).

#### (b) Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)

Bertanggungjawab mengesah dan memperaku Standard yang telah dibangunkan selaras dengan keperluan industri negara untuk kelulusan MPKK.

#### (c) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

Bertanggungjawab bagi memberi khidmat menasihati dan membantu JPK berkaitan pembangunan kurikulum dan mengenalpasti keperluan latihan sejajar dengan keperluan industri terkini.

**BAB**

**02**






# SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

# SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)



## SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah polisi, mekanisme dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan SKM/DKM/DLKM oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran berteraskan *Standard* Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) meliputi lima (5) tahap persijilan iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.



## 2.1 PENTAULIAHAN

Pentauliahn dilaksanakan dengan cara JPK memberi pentauliahn kepada organisasi-organisasi merangkumi institusi latihan awam dan swasta serta syarikat-syarikat yang mempunyai latihan dalaman yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu untuk menjalankan latihan dan penilaian terhadap pelatih-pelatih/pekerja-pekerja mereka dan memastikan mutu penilaian adalah memenuhi apa yang dihasratkan oleh JPK sebagai badan persijilan kemahiran. Pentauliahn dilaksanakan melalui dua kaedah seperti Pusat Bertauliah (PB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).



## 2.1.1 PUSAT BERTAULIAH (PB)

Bilangan keseluruhan PB dan program serta statistik PB mengikut negeri dan jenis pusat adalah seperti di carta berikut:






**Carta 2.1: Taburan Pusat Bertauliah Dan Program yang ditauliahkan mengikut Negeri bagi tahun 2016.**




Carta 2.2: Jumlah Pusat Bertauliah dan Program Bertauliah Sehingga 31 Disember 2016



Carta 2.3: Jumlah Program Bertauliah mengikut tahap sehingga 31 Disember 2016


### 2.1.2 Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Konsep latihan SLDN adalah melibatkan latihan yang dijalankan di dua tempat iaitu di industri yang meliputi 70% hingga 80% dan di institusi latihan yang meliputi 20% hingga 30%. Pendekatan latihan SLDN akan ditentukan oleh industri bersama-sama dengan pihak institusi latihan sama ada memilih pendekatan *day release* atau *block release* iaitu mengikut kesesuaian industri tersebut. SLDN menasarkkan para lepasan sekolah dan pekerja industri di syarikat-syarikat sama ada industri kecil dan sederhana (SMI) atau syarikat multinasional (MNC). Bilangan pusat latihan awam & swasta, syarikat dan perantis adalah seperti berikut:



Carta 2.4: Jumlah pentauliah Pusat Latihan SLDN mengikut kategori dari tahun 2005 hingga Disember 2016


## Syarikat SLDN



Carta 2.5: Jumlah penyertaan Syarikat SLDN mengikut kategori bagi keseluruhan tahun 2005 – 2016

Tahun	Biasa		In-house Training	
	Perantis	Syarikat	Perantis	Syarikat
2005	70	4		
2006	163	3		
2007	1,878	36		
2008	5,912	297		
2009	15,705	642		
2010	1,293	46		
2011	1,117	91	574	9
2012	1,661	138	3,487	56
2013	2,369	257	4,627	361
2014	3,186	279	4,148	430
2015	2,746	265	2,775	376
2016	2,032	224	3,316	407
<b>Jumlah</b>	<b>38,132</b>	<b>2,282</b>	<b>18,927</b>	<b>1,639</b>

Jadual 2.1: Bilangan Keseluruhan Perantis dan Syarikat dalam Program SLDN



**Jumlah Penyertaan Perantis vs Syarikat**

Carta 2.6: Perbandingan jumlah bilangan perantis dan syarikat dalam Program SLDN di bawah RMKe-10 & RMKe-11 mengikut tahun.

## 2.2 PERSIJILAN

Pada tahun 2016, sejumlah 99,550 sijil telah dianugerahkan kepada pelatih dan perantis yang berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai program. Persijilan tersebut diperolehi melalui tiga kaedah seperti berikut:



	Kaedah Persijilan							
	Pusat Bertauliah				PPT		SLDN	
	Biasa		NDT					
Tahap	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC
1	13,060	29	113	-	971	0	2536	192
2	39,210	0	68	-	2,242	8	3,401	27
3	2,3868	97	0	-	5,507	56	1,961	35
4	4,840	0	-	-	823	0	85	0
5	106	0	-	-	756	0	3	0
<b>Jumlah</b>	<b>81,084</b>	<b>126</b>	<b>181</b>	<b>-</b>	<b>10,299</b>	<b>64</b>	<b>7,986</b>	<b>254</b>

Jadual 2.2: Statistik Persijilan 2016

## 2.2.1 Persijilan melalui Pusat Bertauliah

### i. Pusat Bertauliah Antarabangsa

Sejajar dengan matlamat mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan menyediakan akses kepada latihan kemahiran yang berkualiti, JPK turut menggalas tanggungjawab untuk membangunkan modal insan diperingkat antarabangsa.



Carta 2.7: Jumlah Pusat Bertauliah dan Program Pengambilan Pelatih Antarabangsa Dalam Negara Sehingga 31 Disember 2016

### ii. Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia Melalui Pentauliahan Induk

Bagi tujuan penyelarasan perancangan dan pelaksanaan latihan kemahiran, Sistem Persijilan Tunggal (SPT) melalui SPKM diwujudkan dimana proses pentauliahan, jaminan kualiti dan persijilan program kemahiran diseragamkan. Dasar pelaksanaan SPT diwujudkan bagi mendapat persetujuan bersama antara pelbagai agensi yang menjalankan latihan kemahiran di Malaysia. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Pentauliahan Induk diwujudkan bagi memudahkan agensi-agensi berkaitan mengaplikasikan SPKM dengan lebih sistematik dan berkesan. Sehingga kini terdapat tiga (3) agensi yang melaksanakan Pentauliahan Induk iaitu GIATMARA, MARA, dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV).



Carta 2.8: Statistik Pentauliahan Induk Sehingga 31 Disember 2016

### iii. Pentauliahan Persijilan Tahap Tunggal (Single-Tier)

Persijilan Tahap Tunggal adalah satu kaedah persijilan di bawah SPKM di mana pelatih akan didaftarkan pada tahap tertinggi mengikut kumpulan program bertauliah. Objektif Persijilan Tahap Tunggal adalah untuk meningkatkan bilangan tenaga mahir negara dengan mempersijilkan pelatih sekurang-kurangnya pada tahap tiga (3).



Carta 2.9: Jumlah Pusat Bertauliah Persijilan Tunggal dan Kumpulan Program Tahap Tunggal (Single-Tier) sehingga 31 Disember 2016

## 2.2.2 Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia Melalui Pusat Bertauliah PPT

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) merupakan satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. Selain dari dilaksanakan secara terus dengan JPK, ia juga turut boleh dilaksanakan melalui PB yang berkelayakan yang dinamakan sebagai PB-PPT.

Tujuan utama PPT diwujudkan adalah untuk memberi pengiktirafan terhadap ketrampilan yang dimiliki oleh seseorang individu yang diperolehi melalui pengalaman kerja, pengalaman hidup dan latihan formal atau tidak formal. Semua individu yang memenuhi syarat tempoh pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan serta syarat yang ditetapkan oleh JPK.


Antara faedah PPT adalah:




Berikut adalah data statistik PB-PPT, program PB-PPT, permohonan & persijilan SKM melalui kaedah PPT serta persijilan mengikut bidang.




Carta 2.10: Jumlah Pusat Bertauliah Program PPT Sehingga 31 Disember 2016



Carta 2.11: Bilangan permohonan SKM - PPT mengikut tahap pada tahun 2016




Carta 2.12: Bilangan persijilan SKM - PPT mengikut tahap pada tahun 2016



Carta 2.13: Bilangan persijilan SKM - PPT mengikut sector pada tahun 2016

### 2.2.3 Pensijilan melalui SLDN

Pengeluaran SKM melalui kaedah SLDN pada tahun 2016 adalah sebanyak 9,368. Secara keseluruhan, sebanyak 54,777 sijil telah dikeluarkan semenjak tahun 2005 seperti Carta 3 di bawah:



Carta 2.14: Perincian pengeluaran sijil melalui kaedah SLDN dari Tahun 2005 hingga Disember 2016.

**BAB**

**03**



**PEMERKASAAN SKM**


# PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA



## 3.1 PEMBANGUNAN DOKUMEN KERANGKA PEKERJAAN

Kerangka Pekerjaan atau *Occupational Framework* (OF) adalah produk yang dihasilkan dari analisis pekerjaan dan kajian yang dijalankan terhadap industri. Kandungan kerangka pekerjaan adalah struktur pekerjaan, definisi pekerjaan, deskripsi kerja, keperluan tenaga kerja dan gambaran menyeluruh sesuatu industri.

Analisa Pekerjaan ataupun lebih dikenali sebagai *Occupational Analysis* (OA) pula merupakan satu proses untuk mengenalpasti struktur pekerjaan sesuatu industri yang bagi mengenalpasti keperluan sumber manusia mahir dalam industri tersebut. Statistik Pembangunan OF pada tahun 2016 adalah seperti Carta 3.1 berikut:




Carta 3.1: Statistik pembangunan OF pada tahun 2016

## 3.2 PEMBANGUNAN

### NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) adalah asas dalam mempersiapkan tenaga mahir di Malaysia. Terdapat 3 kaedah pembangunan NOSS iaitu secara dalaman, secara luaran (*outsourse*) dan melalui *Industry Lead Body* (ILB). Sebanyak 223 NOSS telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) pada tahun 2016. Statistik pembangunan pada tahun 2016 adalah seperti di Carta 3.2 dan statistik pembangunan NOSS dari tahun 1990 hingga 2016 adalah seperti di Carta 3.3.



Carta 3.2 : Statistik pembangunan NOSS dan lulus MPKK pada tahun 2016

### STATISTIK PEMBANGUNAN NOSS 1990-2016



Carta 3.3: Statistik Pembangunan NOSS daripada tahun 1990 hingga tahun 2016

## 3.3 ARTIKULASI PROGRAM KEMAHIRAN

Program Artikulasi merupakan laluan pendidikan untuk lulusan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Jadual 3.1 menunjukkan jumlah pemegang SKM 3 yang telah melanjutkan pengajian peringkat Diploma di Politeknik hasil artikulasi yang dibangunkan.

PENGAMBILAN	BIL. PELATIH
Jun 2014	2 orang
Disember 2014	20 orang
Jun 2015	42 orang
Disember 2015	38 orang
Jun 2016	7 orang
Disember 2016	23 orang

Jadual 3.1: Bilangan pemegang SKM 3 yang melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma di Politeknik

### 3.3.1 Kerjasama antara JPK dan *Malaysian Technical University Network (MTUN)*

JPK juga turut melaksanakan kolaborasi dengan empat (4) universiti MTUN (*Malaysian Technical University Network*) iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi memperluaskan akses lepasan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

## 3.4 NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

### 3.4.1 *1Malaysia Skills & Enhancement For The Rakyat (1MASTER)*

Program *NBOS-1MASTER* dilaksanakan bertujuan menangani isu kekurangan tenaga kerja mahir negara di samping memberi peluang kepada belia yang menganggur untuk mendapat pekerjaan. Program *1MASTER* memberi fokus kepada *skills upgrading* dan *skills updating*. Pelaksanaan program *1MASTER* yang bermula di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor kini telah diperluaskan merangkumi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). JPK telah terlibat secara langsung dalam melaksanakan tiga (3) daripada empat (4) strategi di bawah program *1MASTER* seperti di Jadual 3.2.

Strategi	Penyelarasan	Pelaksana
<b>1</b> <i>Incorporate 1MASTER Modules In Existing TEVT Programs</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• berkonsepkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)</li> </ul>	KSM	JPK
<b>2</b> <i>Online &amp; Onsite Career Counselling To Boost Employability Of Participants</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• transformasi portal 'JobsMalaysia' dan 'iwant2b' untuk menyediakan perkhidmatan nilai tambahan kepada pencari kerja</li> </ul>	KSM	JobsMalaysia
<b>3</b> <i>English Language Training To Boost Employability Of Participants</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• peningkatan kemahiran pekerja berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris</li> </ul>	JPK	JPK
<b>4</b> <i>"1MASTER Mobile Advisors" To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• khidmat nasihat dan bimbingan kepada industri kecil dan sederhana dalam meningkatkan produktiviti perusahaan</li> </ul>	JPK	JPK

Jadual 3.2: Empat (4) strategi yang telah dilaksanakan melalui program 1MASTER

Pencapaian pelaksanaan 1Master yang dilaksanakan oleh JPK adalah seperti di Jadual 3.3 dan Jadual 3.4. Strategi 1 dan 4 dilaksanakan secara kolaborasi dengan agensi lain manakala strategi 3 dilaksanakan sepenuhnya oleh JPK.

Bil	Agensi	Strategi 1: Incorporate 1Master Modules In Existing TEVT Program		Strategi 4: "1Master Mobile Advisors" To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity	
		Sasaran Peserta	Pencapaian	Sasaran Peserta	Pencapaian
1	Jabatan Pembangunan Kemahiran	10,000	11,615	1,300	1,305
2	Jabatan Tenaga Manusia	41,000	40,486	500	722
3	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	4,000	2,345	250	333
4	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	3,500	4,449	750	750
5	GIATMARA	2,000	2,446	1,000	4,742
6	Institut Kemahiran MARA & Kolej Kemahiran Tinggi MARA	2,000	1,930	50	103
7	Politeknik	1,000	1000	350	350
8	Kolej Komuniti	5,500	5,500	100	102
9	Institut Kemahiran Belia Negara	6,000	6,385	300	1,058
10	Kolej Vokasional	386	386		
<b>Jumlah</b>		<b>75,386</b>	<b>76,542</b>	<b>4,600</b>	<b>9,465</b>

Jadual 3.3: Pencapaian 1Master bagi Strategi 1: Incorporate 1Master Modules In Existing TEVT Program dan Strategi 4: "1Master Mobile Advisors" To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity pada tahun

2016

“  
*English Language Training to Boost Employability of Participants*  
 ”

Bilangan	Bidang	
	Hospitaliti	Retail
Peserta	600	600
Penyedia Latihan	7	
Syarikat	55	62

Jadual 3.4: Pencapaian 1Master bagi Strategi 3: *English Language Training to Boost Employability of Participants* pada tahun 2016



Lawatan Pemantauan ke Pusat Penyedia Latihan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)



Lawatan Pemantauan ke Pusat Penyedia Latihan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)



Lawatan Pemantauan ke Pusat Penyedia Latihan di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor



Lawatan Pemantauan ke Pusat Penyedia Latihan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC)



Lawatan Pemantauan ke Pusat Penyedia Latihan di Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE)

### 3.4.2 Survivor Skills for Women (SS4W)

Program SS4W diwujudkan di bawah NBOS7 - *1Malaysia Support for Housewives* bertujuan untuk memberi pengiktirafan kemahiran kepada golongan wanita berkemahiran khususnya suri rumah dengan mempersiapkan mereka dengan Sijil Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Pada tahun 2016, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mendaftarkan seramai 538 orang calon daripada Kementerian Belia & Sukan (KBS), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk menyertai program ini. Seramai 407 orang peserta telah selesai menjalani program ini dan 27 orang peserta daripada jumlah tersebut adalah gagal.

Bil	Sektor Pekerjaan	Bidang	Penilaian	Persijilan
1	Cenderahati & Industri Kecil	Seni Sulaman Warisan		3
2	Hospitaliti & Pelancongan	Dandanan Rambut	2	
		Gubahan Bunga	3	
		Koordinasi Pengurusan Acara	1	
		Operasi Homestay	1	
		Pembuatan Pastrri	4	31
		Pembuatan Roti	1	19
		Pengeluaran Coklat Buatan Tangan		2
		Penyediaan & Pembuatan Makanan	14	49
		Perundingan Pelancongan	1	
3	Pengurusan Bisnes	Operasi Jualan & Pemasaran	1	6
4	Penjagaan & Perkhidmatan Komuniti	Khidmat Komuniti	3	
		Operasi Pemulihan Dalam Komuniti	24	
		Operasi Pusat Jagaan (Orang Kurang Upaya	6	
		Pendidikan & Penjagaan Awal Kanak-kanak	11	
5	Percetakan	Dekstop Publishing	2	
6	Perniagaan Secara Distributif	Operasi Pembelian ( Jualan Borong)		1
		Operasi Peruncitan ( Jabatan)		1
7	Pertanian & Asas Tani	Operasi Pembungkusan Hasil Produk Pemprosesan Makanan	1	
8	Perubatan & Farmaseutikal	Operasi Pengeluaran Farmaseutikal		1
		Perkhidmatan Estetik	1	1
		Perkhidmatan Terapi Estetik	1	2
		Reflexsologi Kaki, Tangan dan Telinga		1
		Seni Solekan	2	7
		Terapi Bekam Angin		1
		Terapi SPA	4	13

		Urut Terapeutik dan Penjagaan	3	1
		Urut Terapi	21	179
9	Seni & Kebudayaan	Fotografi		1
10	Tekstil & Pakaian	Pembuat Jahitan Kreatif	2	6
		Pembuat Kanan Jahitan Kreatif		1
		Pembuatan Pakaian Lelaki	1	
		Pembuatan Pakaian Wanita	20	82
		Pentadbiran Fesyen dan Pakaian	1	
<b>Jumlah</b>			<b>131</b>	<b>380</b>

Jadual 3.5: Status Persijilan calon yang menyertai Program SS4W mengikut sektor pekerjaan dan bidang bagi tahun 2016



Carta 3.4 Persijilan Program SS4W pada tahun 2016




Gambar Sesi taklimat program SS4W 2016

## 3.5 SISTEM AKREDITASI TUNGGAL

Selaras dengan kenyataan dasar RMKe-11, tadbir urus TVET akan diperkukuhkan untuk pengurusan yang lebih baik melalui penubuhan sistem akreditasi tunggal yang akan digunapakai dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). JPK dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selaku agensi pengakreditasi TVET dipertanggungjawabkan untuk memperhalusi penubuhan dan pelaksanaan sistem akreditasi tunggal tersebut. Draf Panduan *Standard* dan draf Jaminan Kualiti TVET sedang dibangunkan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MQA-JPK sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) untuk kelulusan.

## 3.6 MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS (MBOT)

Penubuhan *Malaysia Board of Technologists* (MBOT) merupakan salah satu strategi Kerajaan dalam RMKe-11 bagi meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat masyarakat terhadap TVET. MBOT ditubuhkan di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai badan yang mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional (*Professional Technologist*) dan Juruteknik Bertauliah (*Certified Technician*) sebagai profesion ikhtisas seperti termaktub di dalam Akta Teknologis dan Juruteknik 2015. Tiga (3) majlis akreditasi ditubuhkan di bawah MBOT iaitu:





Majlis Pelancaran MBOT oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Madius Tangau pada 17 November 2016 di Dewan Tun Abdul Razak, Pusat Konvesyen Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

## 3.7 E - TRAINING

Projek Penswastaaan Program *E-Training* sedang dilaksanakan bagi tempoh konsesi selama tujuh (7) tahun bermula 1 Februari 2013 sehingga tahun 2020 bagi menyediakan platform pembelajaran secara atas talian (*E-Training*). Aplikasi MyLMS (*Learning Management System*) yang dibangunkan mengandungi sistem *e-portfolio* dan *e-assessment* bagi kegunaan pelatih Pusat Bertauliah dan juga calon yang memohon persijilan melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Pihak syarikat telah siap membangunkan 19 koswer berdasarkan NOSS dan telah disahkan oleh JPK serta boleh digunakan bersama aplikasi tersebut.

Bil	Kod NOSS	Tajuk NOSS
1	MC - 024 - 2 : 2012	<i>SMAW Process</i>
2	MC - 026 - 3 : 2012	<i>GTAW Process</i>
3	MC - 025 - 3 : 2012	<i>SMAW Process</i>
4	HT - 090 - 2 : 2012	<i>Hairdressing</i>
5	HT - 090 - 3 : 2012	<i>Hairdressing</i>
6	HT - 110 - 3 : 2011	<i>Single Phase Electrical Installation &amp; Maintenance</i>
7	EE - 320 - 2 : 2012	<i>Three Phase Electrical Installation &amp; Maintenance</i>
8	EE - 320 - 3 : 2012	<i>HVAC Single Phase Air-Conditioning Equipment</i>
9	ME - 020 - 2 : 2012	<i>HVAC Installation and Maintenance Supervision</i>

10	ME - 020 - 3 : 2012	<i>HVAC Installation and Maintenance Supervision</i>
11	IT - 070 - 4 : 2011	<i>Creative Content Development</i>
12	ME - 021 - 2 : 2012	<i>HVAC Three Phase Air-Conditioning Equipment</i>
13	TA - 011 - 1 : 2012	<i>Ladies Dressmaking</i>
14	TA - 011 - 2 : 2012	<i>Ladies Dressmaking</i>
15	TA - 011 - 3 : 2012	<i>Ladies Dressmaking</i>
16	TP - 306 - 2 : 2012	<i>Automotive Spray Painting</i>
17	TP - 307 - 2 : 2012	<i>Commercial Vehicle Maintenance</i>
18	HT - 023 - 3 : 2012	<i>Tourist Guide (City Guide)</i>
19	TP - 306 - 1 : 2012	<i>Automotive Spray Painting</i>

Jadual 3.6: Senarai koswer yang telah disahkan oleh JPK untuk pelaksanaan E-Training

## 3.8 KAJIAN PEMBANGUNAN LATIHAN KEMAHIRAN

Satu kajian sedang dilaksanakan oleh JPK bagi mengkaji Penerimaan Kurikulum Latihan Kemahiran Terhadap Keboleherjaan Graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Ianya adalah selaras dengan usaha Jabatan dan Kementerian dalam memastikan latihan berasaskan *National Occupational Skills Standard (NOSS)* dan sijil yang dianugerahkan melalui SPKM adalah memenuhi keperluan industri dan seterusnya sasaran 35% pekerja berkemahiran tinggi dapat dicapai menjelang tahun 2020. Tempoh pelaksanaan kajian adalah bermula pada April 2016 sehingga Jun 2017.

### OBJEKTIF KAJIAN



## 3.9 PENYERTAAN JPK DI PERINGKAT ANTARABANGSA

JPK telah menyertai beberapa program di peringkat antarabangsa seperti dalam Jadual 3.7.

Bil	Tajuk Program	Lokasi	Tarikh	Penyertaan Pegawai
1	BIMP-EAGA Strategic Planning Meeting 2016	Davao, Filipina	23-26 Februari 2016	2 orang
2	BIMP-EAGA Technical, Vocation Education and Training (TVET) Forum	Davao, Filipina	18-21 Julai 2016	2 orang
3	BIMP-EAGA Vision (Bev) 2025 Task Force Meeting/ Preparatory Senior Officials Meeting For The 20th BIMP-EAGA Ministerial Meeting And Related Meetings	Makassar, Indonesia	12-14 Oktober 2016	1 orang
4	Mesyuarat Peringkat Menteri BIMP-EAGA	Pahlawan, Filipina	26-29 November 2016	1 orang
5	Kursus Technical Cooperation International Atomic Energy (IAEA) - NDT	Hamilton, Canada	25 Oktober - 25 November 2016	2 orang
6	ILO 16th Asia And The Pacific Regional Meeting (APRM)	Bali, Indonesia	6 - 9 Disember 2016	1 orang

Jadual 3.7: Maklumat program di peringkat antarabangsa yang disertai JPK bagi tahun 2016



Mesyuarat BIMP-EAGA pada 18 - 21 Julai 2016 di Davao, Filipina



Kursus Technical Cooperation International Atomic Energy (IAEA) - NDT pada 25 Oktober - 25 Nov 2016 di Hamilton, Canada


## 3.10 PEMATUHAN TERHADAP DASAR DAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA 652

Sejumlah 140 siri lawatan pemeriksaan dan pemantauan telah dilakukan sepanjang tahun 2016 seperti dinyatakan di jadual di bawah bagi memastikan Pusat Bertauliah melaksanakan latihan mengikut piawaian yang ditetapkan. Lawatan pemeriksaan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan penyampaian latihan kemahiran yang dilaksanakan di pusat bertauliah mematuhi keperluan Akta 652 serta mengikut peraturan dan prosidur yang telah ditetapkan.


Tajuk Program	Bil Pemeriksaan / Pemantauan
Lawatan penyiasatan / pemeriksaan di bawah Akta 652	55 Lawatan
Lawatan pemeriksaan di bawah Akta 652 (kawalan pengiklanan)	20 Lawatan
Lawatan Pemantauan Pusat Bertauliah (Pusat Bertauliah Antarabangsa)	40 Lawatan
Lawatan Pemeriksaan Jaminan Kualiti PB (PB yang telah dilepaskan pembekuan program)	25 Lawatan

Jadual 3.8: Statistik Lawatan Pemeriksaan dan Pemantauan Pusat Bertauliah

JPK turut mengambil berat terhadap sebarang iklan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pusat Bertauliah agar Pusat Bertauliah dapat mengeluarkan iklan yang jelas dan kepentingan masyarakat terpelihara. Seksyen 53 berkaitan Larangan Ke atas Pengiklanan dan Seksyen 54 berkaitan Kawalan Pengiklanan, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) menyediakan peruntukan bagi membantu Pusat Bertauliah menyediakan iklan yang tidak mengelirukan masyarakat. Carta 3.5 menerangkan tafsiran dan jenis pengiklanan manakala carta 3.6 menunjukkan statistik permohonan pengiklanan daripada Pusat Bertauliah pada tahun 2016.



Carta 3.5 : Tafsiran dan Jenis Pengiklanan



Carta 3.6 : Permohonan Pengiklanan Mengikut Negeri


## 3.11 PROJEK PEMBANGUNAN JPK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE - 11

Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri telah menjadi salah satu daripada fokus utama di bawah RMKe11. Pada tahun 2016, JPK telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mengharmonikan program, projek dan inisiatif RMKe-11 di bawah Teras 3 yang melibatkan 7 kementerian utama yang menjalankan program TVET. Sebanyak 6 projek telah dilaksanakan oleh JPK sepanjang tahun 2016 (seperti di jadual 3.9) dan peruntukan sebanyak RM39,502,637.58 (97.87%) daripada RM40,361,200 telah digunakan bagi tujuan ini.

Tajuk Program	Pencapaian
<b>Projek 1:</b> Pembangunan Kurikulum & Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan	Membangunkan 4 Occupational Framework bagi 4 sektor industri. Membangunkan 110 NOSS. Mempergiatkan profesionalisme bagi 1125 peserta program Certified Fasilitator.
<b>Projek 2:</b> Memperkasakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) - Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran SLDN	Membangunkan bahan pengajaran & pembelajaran SLDN bagi 9 program NOSS. Membangunkan kepakaran bagi 377 personel industri. Memantapkan penggunaan kurikulum SLDN bagi 248 PB.
<b>Projek 3:</b> Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran	Kajian mengenai tahap penerimaan industri terhadap NOSS dan graduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).
<b>Projek 4:</b> Memperluaskan Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Industri Melalui Pelantikan Industry Lead Body (ILB)	Membangunkan 4 Occupational Framework bagi 4 sektor industri. Membangunkan 79 NOSS oleh 16 ILB Menganjurkan 19 sesi Promosi penyertaan SPKM Menarik penyertaan 2200 calon PPT.
<b>Projek 5:</b> Pemantapan CIAST Sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tenaga Pengajar Vokasional	Membangunkan 1 sistem e-profiling Memantapkan 964 pengajar melalui persijilan yang diiktiraf. Perkongsian tenaga pengajar industri melibatkan 694 pengajar.
<b>Projek 6:</b> Pembangunan Kepakaran Dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar	Pelaksanaan kursus bagi 7427 pengajar dan 3088 personel SLDN daripada 12 agensi.

Jadual 3.9: Pencapaian projek pembangunan JPK 2016.

## PERATUS PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN JPK 2016




Carta 3.7: Peratus Perbelanjaan Projek Pembangunan JPK 2016



Bengkel Jawatankuasa Kerja Teknikal Bidang Fokus B: Mentransformasi TVET Untuk Memenuhi Permintaan Industri bersama Unit Perancangan Ekonomi (UPE), JPM.

## 3.12 MENGAJI KEBERKESANAN PROJEK PEMBANGUNAN MELALUI KAJIAN PENILAIAN OUTCOME

Kajian Penilaian *Outcome* terhadap Projek Penarafan Bintang Program Bertauliah telah dibentangkan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 10 November 2016. Objektif kajian adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Projek Penilaian Penarafan Bintang Program Bertauliah di pusat bertauliah yang dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali dari tahun 2011 hingga 2015. Analisa dibuat berdasarkan data laporan penarafan bintang program bertauliah bagi tahun 2011, 2013 dan 2015.




### PENCAPAIAN OUTPUT

Program Bertauliah Yang Mendapat Tahap Penarafan Baik, Sangat Baik dan Cemerlang (3 hingga 5 Bintang) Mengikuti Tahun :

**2011 - 76%**  
**2013 - 91%**  
**205 - 94%**

Carta 3.8: Program Dilaksanakan Secara Berkesan (Mendapat Penarafan 3,4 dan 5 Bintang)



Carta 3.9: Peningkatan Program Dilaksanakan Secara Berkesan

## 3.13 PROGRAM PEMERKASAAN

### PENTAULIAHAN DAN PENSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan SPKM seperti di jadual 3.10 di bawah.

Bil	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1	Bengkel Penilaian Pemetaan Program Agensi Induk (MARA, BPTV dan GIATMARA)	Regency Hotel, Alor Setar	28- 30 Mei 2016
2	Bengkel Semakan Permohonan Pentauliahan Induk MARA, GIATMARA dan BPTV	Hotel Bangi Putrajaya	1-2 Mac 2016
3	Taklimat Pelaksanaan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) kepada MARA	Ibu Pejabat MARA	17 Mei 2016
4	Pemetaan bahan pembelajaran bagi Malaysian Meister Program (MMP) untuk bidang Precision Machining dan Mechatronics	Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI)	29 – 31 Julai 2016 dan 10 – 12 Oktober 2016
5	Lawatan Verifikasi Pentauliahan Pusat Bertauliah Luar Negara (PBLN) Indonesia dengan kerjasama Imperia Academy of Tourism (L01901)	SMKN 33, Jakarta, Indonesia	11 – 15 April 2016
6	Pembentangan Kertas Kerja di World Conference of Non Destructive Testing (WCNDT)	Munich, Jerman	13-18 Jun 2016
7	Mesyuarat Kerja Semakan Panduan Pentauliahan Pusat Bertauliah & Pusat Peperiksaan Program NDT Siri 1 dan 2	Hotel Bangi-Putrajaya	22-24 Ogos 2016 dan 17-19 Oktober 2016
8	Audit Pemantauan MS ISO 17024:2012 Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia NDT oleh Jabatan Standard Malaysia	JPK Putrajaya	1-2 September 2016
9	Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Bidang NDT	JPK Cyberjaya	6 Oktober 2016
10	Perbincangan bersama Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dengan JPK dan Persatuan NDT Malaysia (MSNT)	JKKP	10 Oktober 2016
11	Lawatan dari Pegawai Penguatkuasaan Tenaga Atom Sri Lanka di bawah Program International Atomic Energy Agency (IAEA)	JPK Putrajaya	22-23 November 2016
12	Taklimat pemantapan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi DKM/DLKM – Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	Kompleks Akademi MARDI	03 - 04 Ogos 2016
13	Mesyuarat kerja pemurnian cadangan kelayakan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi tujuan lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam	Kompleks Akademi MARDI	16 - 18 Ogos 2016
14	Perbincangan bersama Pertubuhan Amal Pembangunan Usahawan OKU Penglihatan Malaysia (PERKUM) untuk mempersiapkan golongan cacat penglihatan secara PPT	JPK Cyberjaya	9 Disember 2016

Jadual 3.10: Program Pemerksaan Pentauliahan Dan Pensijilan Kemahiran Malaysia



Bengkel Penilaian Pemetaan Program Bagi Agensi Induk (MARA, BPTP & GIATMARA) Bagi Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), 28- 30 Mei 2016, Regency Hotel Alor Setar



Taklimat Pelaksanaan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) Bagi Agensi MARA, 17 Mei 2016, Ibu Pejabat MARA



Lawatan ke Kilang NHF untuk MMP di bawah Program SHRDC, 23 Mac 2016 Kapar, Klang, Selangor



Lawatan Verifikasi Pentauliahan Pusat Bertauliah Luar Negara ke dengan kerjasama Imperia Academy of Tourism, 11 – 15 April 2016, SMKN 33, Jakarta, Indonesia



Mesyuarat Teknikal Jabatan Pengajian Tinggi telah diadakan pada 22-25 Februari 2016 di Johor Bahru, Johor



Pembentangan Kertas Kerja di World Conference of Non Destructive Testing (WCNDT) telah diadakan pada 13-18 Jun 2016 di Munich, Jerman



Lawatan dari Pegawai Penguatkuasaan Tenaga Atom Sri Lanka ke JPK di bawah Program International Atomic Energy Agency (IAEA), 22-23 November 2016, JPK Putrajaya



Taklimat pemantapan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi DKM/DLKM – Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) kepada Personal Lantikan PPT, 03 - 04 Ogos 2016 Kompleks Akademi MARDI, Serdang.



Mesyuarat kerja pemumian cadangan kelayakan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi tujuan lantikan ke Skim Perkhidmatan Awam, 16 - 18 Ogos 2016, Kompleks Akademi MARDI, Serdang



Sesi perbincangan bersama Pertubuhan Amal Pembangunan Usahawan OKU Penglihatan Malaysia (PERKUM) dalam usaha untuk mempersiapkan golongan cacat penglihatan secara PPT, 9 Disember 2016, JPK, Cyberjaya



Penilaian Amali bidang pemasangan enjin motosikal dan bidang pemesinan bagi 49 orang kakitangan Hicom-Honda Manufacturing Malaysia Sdn.Bhd, 7 & 14 Ogos 2016 dan 5, 6, 12 & 13 November 2016, Hicom-Honda Manufacturing Malaysia Sdn.Bhd.



Penilaian Amali bidang kulinari bagi pensyarah Kolej MSU, 16 November 2016, Kolej MSU Shah Alam



Penilaian Amali bidang pembuat jahitan kreatif seramai 272 calon, 22, 23, 27 & 28 Oktober 2016, Pusat Latihan Kraftangan Epal (MOSTWELL)



Penilaian Amali bidang urut terapi seramai 151 calon dari La'joise Skills Training & Consultancy (M) Sdn.Bhd, 10&17 Oktober 2016 dan 15 Disember 2016, Hotel Gold Cost Klang

**BAB**

**04**





**PEMERKASAAN PERSONEL  
KEMAHIRAN**

# PEMERKASAAN PERSONEL KEMAHIRAN


Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan atau lebih dikenali sebagai *Centre for Instructor and Advanced Skill Training* (CIAST) merupakan sebuah agensi latihan awam di bawah JPK yang memberi latihan kepada pengajar latihan kemahiran. Antara kursus yang dilaksanakan adalah kursus VTO/VTE/VTM, kursus *Master Trainer & Certification IV*, dan kursus pembangunan fasilitator. Aktiviti lain yang dilaksanakan adalah Latihan Sangkutan Industri (LSI), pembangunan profil pengajar kemahiran (*e-Profilling*), pengurusan personel lantikan dan program antarabangsa.



## 4.1 LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN KURSUS VTO

Latihan Pengajar Vokasional terbuka kepada lepasan SKM tahap 2 dan ke atas serta graduan lepasan universiti. Jenis program VTO adalah seperti berikut:

- i Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)
- ii Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3+ VTO)
- iii Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)



Nama Program	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Sijil VTO						
- CIAST	3	477	6	808	7	636
- Kampus Satelit CIAST	3	425	5	998	6	907
SKM Tahap 3 + VTO	3	33	9	108	4	41
DLPV	5	30	18	115	6	45
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>965</b>	<b>38</b>	<b>2029</b>	<b>23</b>	<b>1629</b>


Jadual 4.1: Statistik bilangan pelajar latihan pengajar vokasional tahun 2016

## 4.2 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN


Enam (6) program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 iaitu:

### i. Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)

PPK adalah kursus jangka pendek yang dijalankan bagi tujuan untuk meningkatkan kemahiran pengajar-pengajar dari institusi kemahiran manakala kursus *customize* diberikan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja industri. Bilangan program PPK dan peserta kursus yang menghadiri program PPK dan kursus *customize* pada tahun 2016 adalah seperti carta di bawah.



Carta 4.1: Bilangan Kursus jangka pendek yang dijalankan oleh Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) tahun 2016



Carta 4.2: Bilangan Peserta Kursus yang menghadiri kursus-kursus yang dijalankan oleh Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) tahun 2016

## ii. Program Fast Track dan Single Tier - VTO, VTE dan VTM

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam latihan kemahiran dengan VTO, VTE dan VTM secara *Fast Track* dan *Single Tier* melalui kaedah PPT. Fasa III bermula 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2016. Pada tahun 2016 seramai 1832 orang telah dipersijilkan dengan VTO/VTE/VTM melalui kaedah ini. Pelaksanaan dan pencapaian program ini adalah seperti Jadual 4.2.

Nama Program	Pelaksanaan			Pencapaian	
	Analisa jurang kompetensi	Temuduga	Kursus	Pc	Layak
VTO	315	335	1047	26	1448
VTE	57	85	0	-	159
VTM	259	156	224	-	225
<b>Jumlah</b>	<b>631</b>	<b>576</b>	<b>1271</b>	<b>26</b>	<b>1832</b>

Jadual 4.2: Pelaksanaan dan pencapaian Program Fast Track & Single Tier- VTE/VTO/VTM



Peserta Program VTO/VTE/VTM Secara Single Tier Melalui Kaedah PPT Secara Green Lane bagi Pegawai Pengurusan Atasan JPK/CIASST pada 19 Januari 2016 di Pejabat KPPK, JPK Putrajaya

### iii. Program Khas VTO / VTE / VTM

Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bertujuan untuk mempersiapkan personel yang berpengalaman, berpengetahuan, berkemahiran dan berkelayakan dengan persijilan VTO/VTE/VTM. Program khas ini hanya tertakluk kepada agensi yang mendapat kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).

Perlaksanaan program adalah secara berkelompok yang diselaras oleh pihak agensi yang memohon. Seramai 1,487 calon telah dipersijilkan yang melibatkan 3 agensi iaitu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan GIATMARA. Pencapaian Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) adalah seperti di Jadual 4.3.

Agensi	Pencapaian			
	VTO	VTE	VTM	PC
BPTV	1143	35	91	4
JTM	22	38	25	0
GIATMARA	77	10	29	1
<b>Jumlah</b>	<b>1242</b>	<b>83</b>	<b>145</b>	<b>17</b>

Jadual 4.3: Pencapai Progam Khas VTO/VTE/VTM - PPT



Peserta Program Khas VTO/VTE/VTM Secara Single Tier Melalui Kaedah PPT Bagi Pegawai Pengurusan Atasan GIATMARA di CIAST Shah Alam

#### iv. Program Master Trainer dan Certification IV

Program ini bertujuan melahirkan tenaga pengajar yang diiktiraf bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Modul-modul yang disediakan diiktiraf oleh Kerajaan Australia menerusi Kerangka Kelayakan Australia atau *Australian Qualification Framework (AQF)* dalam sektor *Vocational Education & Training (VET)* dan memberikan kelayakan kepada para peserta mengendalikan kursus atau modul "Trained-of-Trainer (ToT)" (TAE40110 – Certification IV) di dalam dan luar negara. Modul-modul disediakan adalah berorientasikan latihan kemahiran dengan pendekatan *Competency-based Training (CBT)* dengan kerjasama *Australian Institute of Technical Transfer (AITT)*. Senarai kursus yang dilaksanakan adalah seperti Jadual 4.4.



Peserta kursus *Master Trainer* dan *Certification IV* di CIAST Shah Alam

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1	Master Trainer Modul 1: TAE40110 Certificate IV In Training And Assessment	28 Mac - 08 April	CIAST	30
2	Master Trainer Modul 2: TAE50111 Diploma Of Vocational Education & Training & TAE50211 Diploma Of Training Design & Development	24 April - 07 Mei	CIAST	30
3	Master Trainer Modul 3: Application Of Psychology, Neuroscience & Principle Of Neuro-Linguistic Programming (NLP) For Effective Delivery And Learning In Competency Based Technical & Vocational Training	23 Mei - 03 Jun	CIAST	31
4	Master Trainer Modul 4: Diploma Of Executive Coaching & Mentoring	18 - 28 Julai	CIAST	29
5	TAE40110 Certificate IV In Training And Assessment - Siri 1	10 - 21 Okt	Hotel Nexuss, Shah Alam	52
6	TAE40110 Certificate IV In Training And Assessment - Siri 2	31 Okt - 11 Nov	Hotel Nexuss, Shah Alam	59
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>231</b>

Jadual 4.4: senarai kursus bagi Program Master Trainers & Certification IV pada tahun 2016

## V. Program Pembangunan Fasilitator

Program ini dilaksanakan bagi menyokong pembangunan standard dan kurikulum yang berasaskan NOSS. Fasilitator merupakan personel utama dalam menghasilkan standard dan kurikulum latihan yang berkualiti bagi mencapai *standard* pekerjaan yang memenuhi keperluan industri negara. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 4.5.



Fasilitator

Bil	Perkara	Bil. Kursus/Bengkel/ Taklimat/Seminar	Bil. Peserta
1	Bengkel Penyediaan Bahan Taklimat Bagi Program Pembangunan WIM	1	20
2	Kursus Pembangunan WIM dan Penilaian Berasaskan NOSS Format Baru	22	492
3	Taklimat WIM dan Penilaian Berasaskan NOSS Format Baru	5	210
4	Bengkel Penyediaan Bahan Taklimat Bagi Program Pembangunan Soalan	1	20
5	Kursus Pembangunan Soalan	11	224
6	Latihan Sangkutan Fasilitator (DESCUM/WIM) (Bengkel Kemaskini Panduan LSF/1 bahan taklimat)	-	130
7	Kursus Pembangunan NOSS (DESCUM )	7	139
8	Taklimat Pembangunan NOSS (DESCUM)	5	163
9	Bengkel Bahan Pembelajaran dan Pengajaran Fasilitator	1	13
10	Kursus Pembangunan Fasilitator DESCUM / WIM	7	121
11	Majlis persijilan Fasilitator	1	116
<b>Jumlah</b>			<b>1648</b>

Jadual 4.5: Aktiviti Program Pembangunan Fasilitator pada tahun 2016

## **VI. Latihan Sangkutan Industri (LSI)**

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan satu program penempatan pengajar kemahiran Institut Latihan Awam (ILA) di industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan di industri. Bermula tahun 2016, tempoh pelaksanaan Program LSI adalah fleksibel di mana pengajar boleh menjalani LSI antara 1 minggu hingga 3 bulan dan boleh dilaksanakan secara berfasa. Penempatan LSI juga kini boleh dibuat di Institusi Latihan Awam dan Swasta.


Dengan program LSI, pengajar-pengajar dapat meningkatkan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan terhadap perkembangan teknologi terkini dalam bidang pengkhususan kemahiran masing-masing. Pada tahun 2016, seramai 87 orang pengajar ILA telah ditempatkan di industri. Butiran maklumat penempatan LSI adalah seperti di Jadual 4.6.

Bil	Agensi	Jumlah
1	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	44
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	0
3	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	19
4	Bahagian Pembangunan Teknik dan Vokasional (BPTV)	0
5	CENTEXS	0
6	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	0
7	Jabatan Tenaga Manusia	11
8	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4
9	Jabatan Penjara Malaysia	0
10	Jabatan Pendidikan Politeknik	8
11	Jabatan Pembangunan Kemahiran / CIAST	1
<b>Jumlah</b>		<b>87</b>

Jadual 4.6: Butiran Makluman Penempatan LSI



Peserta menjalani LSI di N.K Elektrik Enterprise



- Sektor Elektrik & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran (*Electrical & Electronic, Telecommunication & Broadcasting Industry*)
- Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi (*Information & Communication Technology (ICT)*)
- Sektor Pemsinan & Peralatan (*Machinery & Equipment*)
- Sektor Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik (*Mechanical & Electrical Service And Maintenance*)
- Sektor Pengangkutan (*Transportation*)
- Sektor Bahan (*Materials*)
- Sektor Pembungkusan (*Packaging*)
- Sektor Percetakan (*Printing*)
- Sektor Perubatan & Farmaseutikal (*Medical & Pharmaceuticals*)
- Sektor Hospitaliti & Pelancongan (*Hospitality & Tourism*)
- Sektor bangunan & Pembinaan (*Building & Construction*)
- Sektor Lanskap & Alam Sekitar (*Landscaping & Environmental*)
- Sektor Hiasan Dalamian (*Interior Decor*)
- Sektor Tekstil & Pakaian (*Textile & Apparel*)
- Sektor Sumber Asas (*Resource Based*)

Carta 4.3: Penempatan LSI Mengikut Sektor Industri

## **vii. Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)**

Program PKI merupakan program baru, di mana ianya adalah satu platform bagi Pakar Industri bidang kemahiran/ TVET membuat Program Perkongsian Kepakaran Industri bersama dengan pengajar dan pelajar di Insitut Latihan Awam.

Program ini adalah bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi semasa bagi pengajar di ILKA dengan kaedah mendapatkan khidmat Pakar Industri bagi bidang

kemahiran tertentu melalui aktiviti berbentuk ceramah, syarahan, latihan dan seumpamanya. Pakar Industri adalah pekerja industri yang mahir, berpengalaman dan pengamal (*practitioner*) dalam industri yang berkaitan. Seramai 607 pekerja telah mendapat faedah di bawah pelaksanaan PKI 2016, adalah seperti di Jadual 4.7.

Agensi	Institut	Tarikh	Bidang	Peserta
	IKTBN Chembong	1 - 2 Jun	Automotif	33
	IKBN Jitra	24 - 26 Julai	Automotif	25
KBS	IKTBN Sepang	16 - 18 Ogos	Elektrik dan Teknologi Hijau	113
	IKTBN Bachok	29 - 30 Ogos	Pembinaan	30
	IKTBN Pekan	3 - 4 September	Drawing	12
	IKTBN Pekan	5 - 7 September	Fabrikasi	8
	IKTBN Peretak	24 - 25 September	Seni Lukis & Seni Reka	26
	IKTBN Jitra	25 - 27 September	Teknologi Mekanikal	15
	IKTBN A. Gajah	1 Oktober	Perniagaan Dan Perunding Kecantikan	40
	IKTBN A. Gajah	2 Oktober	Protokol Dan Istiadat & Pengurusan Sukan Golf	40
JTM	ILP Selandar	26 - 28 Julai	Teknologi Maklumat	12
	ADTEC Bintulu	16 - 18 Ogos	Automotif	12
	ADTEC Bintulu	12 - 14 Oktober	Oil & Gas	9
	ADTEC Jerantut	17 - 19 Oktober	Kejuruteraan Polimer	12
Kolej Komuniti	K. Komuniti S. Bernam	14 - 16 Ogos	Education	30
	K. Komuniti Penampang	17 - 19 Ogos	Building Information Modelling (BIM)	40
Politeknik	Politeknik Azlan Shah	23 September	ICT	90
	Politeknik Dungun	30 - 31 Mei	Sains Komputer	30
	Politeknik T. S. Bahiyah	4 - 6 Oktober	Embedded System Robotic	30
<b>Jumlah</b>				<b>607</b>

Jadual 4.7: Aktiviti Program PKI tahun 2016

## 4.3 PEMBANGUNAN PROFIL PENGAJAR KEMAHIRAN (e - Profiling)

*E-profiling* bertujuan mengenalpasti jurang kemahiran seseorang tenaga pengajar kemahiran dan seterusnya menutup jurang yang wujud melalui latihan yang tepat dan berstruktur. Dengan ini, kualiti tenaga pengajar kemahiran dapat ditingkatkan dari aspek pengetahuan, kompetensi, disiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi. Profiling Pengajar Kemahiran mengumpulkan data keterampilan pengajar kemahiran mengikut bidang, melalui semakan *ability check list* yang dibangunkan menggunakan kaedah CUDBAS (*Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure*). Tiga skop kompetensi merangkumi:

Kompetensi yang diperlukan oleh seseorang pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran.

Maklumat kompetensi seseorang pengajar.

Jurang kompetensi pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran



Senarai 18 agensi yang terlibat dalam program e-Profiling adalah seperti berikut:

- |    |  |    |   |
|----|--|----|---|
| 01 | Jabatan Tenaga Manusia                                 | 02 | Jabatan Pendidikan Politeknik                         |
| 03 | Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti                      | 04 | Majlis Amanah Rakyat (MARA – IKM/KKTM)                |
| 05 | Kementerian Belia dan Sukan                            | 06 | Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV)    |
| 07 | Maktab Teknik PDRM                                     | 08 | Jabatan Penjara Malaysia                              |
| 09 | Angkatan Tentera Malaysia                              | 10 | Jabatan Kebajikan Masyarakat                          |
| 11 | Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)                     | 12 | Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)            |
| 13 | Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS)         | 14 | German-Malaysian Institute                            |
| 15 | GIATMARA Sdn Bhd                                       | 16 | Universiti Kuala Lumpur                               |
| 17 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) | 18 | Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) |

Aktiviti	Sasaran		Pencapaian	
	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Bengkel Pembangunan Manual Profiling	1	20	1	31
Bengkel Pembangunan Ability Checklist	20	120 Abilities/ 480 peserta	22	125 Abilities/ 589 peserta
Kursus Pembangunan Asas CUDBAS	15	300	18	356
Kursus Pembangunan Lanjutan CUDBAS	6	108	4	99
<b>Jumlah</b>	<b>42</b>	<b>428</b>	<b>45</b>	<b>1075</b>

Jadual 4.8: Aktiviti Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran tahun 2016



Bengkel e-Profiling siri 2/2016 yang bertarih pada 11 hingga 13 Okt 2016 bertempat di The Klagans Hotel, Kota Kinabalu, Sabah



Aktiviti Peserta Kursus Lanjutan CUDBAS (CUDBAS LEADER)



Aktiviti Peserta Bengkel Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran

## 4.4 PENGURUSAN PERSONEL LANTIKAN

### 4.4.1 Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)

DPIN merupakan satu kumpulan data yang diwujudkan untuk mengumpul, mendaftar dan memperakukan personel yang berpengalaman luas dan berkemahiran dalam sektor industri mengikut kriteria yang telah digariskan dalam Panduan Permohonan Pendaftaran DPIN. Sejak tahun 2008 sehingga kini, sejumlah 22,286 perakuan telah dibuat seperti Jadual 4.9. Pada tahun 2016, permohonan pakar bagi beberapa sub sektor dalam Sektor 10: Perubatan dan Farmaseutikal dibekukan atas nasihat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.


Bil	Perakuan	Permohonan 2016	Lulus 2016	Lantikan Terkumpul (2008-2016)	
1	PIND	Pakar Industri	600	395	3401
2	PAJAR	Pakar Pengajar	991	767	4111
3	PPL	Pegawai Pengesah Luaran	1109	667	4578
4	PPL-PLV	Pegawai Pengesah Luaran-Pegawai Latihan Vokasional	291	207	1113
5	PPL-SLDN	Pegawai Pengesah Luaran-Sistem Latihan Dual Nasional	398	349	1850
6	PP-PPT	Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu	806	563	3744
7	PPL-PPT	Pegawai Pengesah Luaran-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu	377	223	1186
8	HAKIM	Panel Hakim Pertandingan Kemahiran	93	26	387
9	PNOSS	Panel NOSS	343	269	1916
<b>Jumlah</b>			<b>5008</b>	<b>3466</b>	<b>22286</b>

Jadual 4.9: Bilangan Pakar Industri Negara

Pada tahun 2016 sebanyak 3466 daripada 5008 permohonan telah diluluskan bagi 9 perakuan. Pecahan peratus perakuan pakar yang telah diluluskan boleh dilihat pada carta 4.4.


**Jumlah Perakuan DPIN  
Tahun 2016 : 3,466**

**Lantikan Terkumpul DPIN  
sehingga 2016 : 22,286**



Carta 4.4: Peratus Personel Pakar JPK Mengikut Jawatan untuk Tahun 2016

Bagi memastikan personel PPL sentiasa selari dengan perkembangan SPKM terkini, mereka perlu memperbahui pengiktirafan mereka dengan menghadiri bengkel pementapan dan penilaian pembaharuan PPL yang dikendalikan oleh CIAST.




Bengkel Pementapan & Penilaian Pembaharuan PPL

#### 4.4.2 PERAKUAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN SEBAGAI PERSONEL PENTAULIHAN (PPKSPP)

PPKSPP merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh KPPK kepada Personal Pentauliah JPK. Lima jawatan telah diberikan perakuan iaitu Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD), Pegawai Penilai (PP), Coach dan Pengajar SLDN (PSLDN). Jumlah lantikan pada tahun 2016 adalah 10,283. Sehingga tahun 2016, jumlah lantikan PPKSPP adalah sejumlah 29, 156 orang.

#### STATISTIK PERSONEL PPKSPP JPK TAHUN 2016



Carta 4.5: Statistik Personel PPKSPP JPK sehingga Tahun 2016

Unit Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) terdiri daripada tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentauliahan seperti berikut :

<b>KURSUS INDUKSI PENTAULIAHAN (KIP)</b>	<b>01</b>	<i>Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB;</i>
	<b>02</b>	<i>Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPT; dan</i>
	<b>03</b>	<i>Kursus Induksi Pentauliahan PPL.</i>

Penganjur-penganjur KIP adalah terdiri daripada penganjur swasta atau awam bersama CIIAST selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah telah ditugaskan bagi setiap penganjuran KIP. Penceramah terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah-Wilayah dan CIIAST sendiri. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 293 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara dengan jumlah penganjuran dan peserta mengikut jenis KIP seperti di Jadual 4.10.

Jenis KIP	Bilangan Penganjuran	Bilangan Peserta
PP-PPD-PPB	189	5,955
PP-PPT	43	1,207
PPL	61	2,281
<b>Jumlah</b>	<b>293</b>	<b>9,443</b>

Jadual 4.10: Penganjuran dan bilangan peserta KIP 2016

## 4.5 PROGRAM ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2016, CIIAST melaksanakan lima (5) program antarabangsa seperti di bawah:

### 4.5.1 *Attachment for Asean Skills Competition (ASC), Kuala Lumpur 2016.*

Program ini adalah program tindakan di bawah Memorandum Persefahaman Kerjasama (MoU) diantara JPA, Malaysia dan Kerajaan Republik India dalam bidang Pentadbiran Awam dan Tadbir Urus. Tujuan program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam pelaksanaan ASC yang dihoskan oleh Malaysia. Program diadakan selama 2 minggu bermula pada 19 hingga 30 September 2016. Peserta bagi program ini adalah dua orang pegawai kerajaan daripada *Ministry of Skill Development & Entrepreneurship*, India yang terlibat secara langsung dengan latihan kemahiran.



Sesi taklimat dan perbincangan yang dilaksanakan ketika program



One School One Country



Sesi Pembentangan & Action Plan



Mesyuarat Pembukaan di lokasi pertandingan ASC Kuala Lumpur 2016, MAEPS Serdang



Majlis Penutupan dan Penyerahan Sijil kepada peserta Attachment for ASEAN Skills Competition Kuala Lumpur 2016


#### 4.5.2 Third Country Counterpart Training Fasa 1: Electrical Instrument & Measurement And Maintenance Of Cubicle Type High Voltage Receiving

Pihak JICA, Cambodia telah melantik pihak CIAST sebagai organisasi yang menyediakan latihan kepada pengajar yang terdiri daripada 3 institusi perintis di Kemboja. Matlamat projek ini adalah untuk menyediakan latihan di peringkat diploma dalam bidang Elektrikal. Program ini melibatkan 2 fasa iaitu fasa 1: CP Training Course di Malaysia yang dijalankan pada tahun 2016 manakala fasa 2: Short Term Expert Dispatch di kemboja akan dilaksanakan pada tahun 2017.

Pada tahun 2016, pihak JICA, Cambodia telah meminta penyediaan latihan dalam bidang Voltan Tinggi di Malaysia di samping melatih pengajar yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan seminar yang bakal diadakan di Kemboja bersama pihak pakar JICA. Program ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh 4-5 tahun dengan pelbagai skop pengkhususan dalam bidang Elektrikal.

##### Program Counterpart (CP) Training Course bersama JICA, Cambodia

Dalam fasa 1, latihan pengurusan dan pengendalian seminar telah diadakan di CIAST dan bagi bidang Voltan Tinggi pihak CIAST telah bekerjasama dengan pihak ADTEC Kemaman dalam penyediaan latihan kemahiran tersebut. Melalui latihan yang dilaksanakan, peserta telah diberi pembelajaran khusus dalam bidang pengurusan dan kemahiran teknikal secara praktikal dan teori. Para peserta turut berpeluang mengikuti dua (2) lawatan teknikal iaitu ke YTL Power Generation Sdn. Bhd di Paka dan INSTEP di Batu Rakit, Terengganu bagi memberi peluang kepada peserta untuk melihat secara terperinci peralatan, komponen, teknik-teknik dan keperluan teknikal bagi penjaan kuasa elektrik bervoltan tinggi dalam persekitaran sebenar.



Sesi latihan di CIAST, ADTEC Kemaman dan lawatan industri dalam bidang Elektrikal Voltan Tinggi



Sesi bergambar bersama pihak JICA dan Pengarah serta pengajar yang terlibat

#### 4.5.3 The Technical Assistance Programme Under Akujanji Kerajaan Persekutuan (AKP) For Young People & Single Mother In The Southern Philippines and AKP For The Southern Thailand

Kementerian Luar Negeri (KLN) telah mengadakan satu perbincangan berkenaan dengan Program Aku Janji Persekutuan MTCP pada 2 Februari 2016 di Wisma Putra, Putrajaya di mana CIAST telah diberi kepercayaan oleh KLN untuk melaksanakan 3 Program Akujanji Persekutuan MTCP iaitu *Bakery and Entrepreneurship Program For Single Mothers in Southern Philippines di Davao, Filipina*, *Technical Training in Mechanical Sector to Young People in the Southern Phillipines di Davao, Filipina* dan *Training Of Trainers for Southern Thailand* di CIAST, Shah Alam. Tujuan program ini diadakan untuk:



Program yang dijalankan adalah seperti berikut:

##### *Program Bakery and Entrepreneurship Program For Single Mothers in Southern Philippines*

Program ini diadakan pada 11 Julai hingga 22 Julai 2016 bertempat di Davao City, Filipina. Program yang melibatkan 10 orang peserta terdiri daripada ibu tunggal.



The Tagum National Trade School (TNTS), Apokon, Philippines

### ***Program Technical Training in Mechanical Sector to Young People in the Southern Phillipines - Basic Vehicle Maintenance***

Program ini diadakan pada 11 Julai hingga 22 Julai 2016 bertempat di Davao City, Filipina. Program ini melibatkan 10 orang peserta yang terdiri daripada golongan anak-anak muda.



Bengkel kereta di The Tagum National Trade School (TNTS), Apokon, Philippines

### ***Program Training Of Trainers for Southern Thailand- Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System And Introduction To Hybrid Technology)***


Program ini diadakan pada 1 Ogos hingga 19 Ogos 2016 bertempat di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan ( CIAST), Shah Alam. Program ini melibatkan 10 orang peserta yang terdiri daripada golongan belia. Program Akujanji di Selatan Thailand bagi golongan belia merupakan program pertama seumpamanya dijalankan oleh CIAST. Di bawah program ini, peserta diberi latihan serta pendedahan dalam pelbagai aspek berkaitan keusahawanan dan perniagaan terutamanya perkara melibatkan pertukangan, mekanikal, automotif, pengusahaan bengkel, pengurusan kewangan, galakan kewangan, modal, import dan eksport, serta motivasi.



Modul elektrik dalam kursus Automotif

#### 4.5.4 Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2016 - Mechatronics (Industrial Automation)

Program ini telah diadakan pada 26 Julai hingga 12 Ogos 2016 bertempat di CIAST, Shah Alam. Program ini melibatkan 9 peserta dari negara Uganda, Filipina, Morocco, Myanmar, Tanzania, Bangladesh, Ethiopia dan Lao PDR. Objektif program ini adalah untuk:



Makmal Mekanik, CIAST Shah Alam

#### 4.5.5 Latihan pemantapan di Korea - Program Lawatan Penandaarasan Ujian Akhir Pemilihan Peserta Korea Ke World Skills Competition 2017

Program ini merupakan satu bentuk kerjasama antara POSTECH CO. LTD. KOREA dan CIIAST yang telah menaja tiga (3) pegawai CIIAST untuk melihat sendiri ujian akhir pemilihan peserta tersebut. Program ini berlangsung pada 24-28 Nov. 2016 bertempat di *Global Institute for Transferring Skills, Incheon Korea*. Antara manfaat yang telah diterima daripada program ini adalah seperti berikut:

Memperolehi khidmat nasihat dan kepakaran dari segi kaedah pembangunan jurulatih, hakim dan peserta pertandingan kemahiran sehingga ke peringkat WSC.

Memperolehi khidmat perkongsian kepakaran dari segi penganjuran pertandingan kemahiran di peringkat antarabangsa.

Mempelajari kaedah latihan bidang kimpalan yang terbaik (*best practice*) di Korea sebagai bahan pembelajaran yang akan digunakan dalam kursus-kursus jangka pendek CIIAST kepada semua agensi yang menjalankan TVET seluruh Negara.

Mempelajari dan memperolehi input bagaimana strategi yang dilakukan Korea membolehkan mereka kerap menjadi juara WSC.



Lawatan Penandaarasan Ujian Akhir Pemilihan Peserta Korea ke World Skills Competition 2017


**BAB**

**05**



## KOLABORASI STRATEGIK

# KOLABORASI STRATEGIK



## 5.1 INDUSTRY LEAD BODY (ILB)

*Industry Lead Body* (ILB) merupakan badan peneraju mewakili sektor industri tertentu yang dilantik oleh JPK sebagai rakan strategik Jabatan dalam menentukan keperluan sebenar industri bagi tujuan pembangunan pekerja mahir Negara, meningkatkan penerimaan industri terhadap persijilan kemahiran dan menjadi pemacu dalam pembangunan dan latihan pekerja mahir.

Sehingga Disember 2016, 23 ILB telah dilantik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19 ILB telah melaksanakan aktiviti seperti di jadual 5.1.

Bil	ILB	Kajian	NOSS (Pakej)	Occupational Framework (OF)	Promosi (seminar)	PPT (sijil)
1	Asian Institute of Finance (AIF)	1	1	1	-	40
2	Association of Marine Industry of Malaysia (AMM)	-	1	-	-	-
3	Malaysian Bioeconomy Corporation (BioEco)	-	3	1	-	50
4	Construction Industry Board Malaysia (CIDB)	-	1	-	-	100
5	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	-	-	1	1	200
6	Halal Development Corporation (HDC)	-	2	1	3	100
7	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	-	1	1	-	775
8	Malaysian Association of Hotel (MAH)	-	4	-	-	100
9	Malaysia Automotive Institute (MAI)	-	3	1	-	220

10	Malaysian Textile and Apparel Centre (MATAC)	-	4	-	-	150
11	Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)	-	4	-	2	25
12	Malaysia Institute of Human Resource Management (MIHRM)	-	2	-	-	220
13	The Malaysian Oil and Gas Services Council (MOGSC)	-	3	-	3	100
14	Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA)	1	1	-	-	50
15	Malaysian Palm Oil Board (MPOB)	-	2	-	-	-
16	Malaysia Steel Institute (MSI)	-	2	-	2	15
17	Malaysian Society of Non-Destructive Testing (MSNT)	-	2	-	2	-
18	Malaysia Timber Industry Board (MTIB)	-	1	-	-	15
19	National Agriculture Training Council (NATC)	-	5	-	4	150
20	Malaysia Development Corporation (MDEC)	-	-	-	-	-
21	Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA)	-	-	-	-	-
22	The Electrical and Electronics Association of Malaysia (TEEAM)	-	-	-	-	-
23	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	-	-	-	-	-

## 5.2 JALINAN KERJASAMA DENGAN AGENSI DAN INDUSTRI

Sehingga tahun 2016, sejumlah 44 agensi/industri telah menjalinkan kerjasama dengan JPK melalui pelbagai bentuk aktiviti dan jalinan kerjasama dalam memperkukuhkan penerimaan Sijil Kemahiran Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 8 agensi/industri yang bekerjasama dengan JPK bagi tahun 2016.

Bil	Agensi / Industri	Bidang	Skop Kerjasama
1	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	Kejuruteraan	a) Pembangunan standard NOSS b) Perkongsian kepakaran
2	Les' Copaque Production	Animasi	a) Pelaksanaan Latihan SLDN b) Pelaksanaan Latihan Pusat Bertauliah JPK
3	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Industri Halal Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam	a) Pembangunan standard NOSS b) Perkongsian kepakaran c) Persijilan pekerja mahir
4	Bahagian Ko Kurikulum & Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia.	Kebudayaan & Kesenian	a) Pelaksanaan Latihan Pusat Bertauliah JPK b) Persijilan pekerja mahir
5	Malaysia Water Assosiation	Water Treatment	a) Persijilan pekerja mahir b) Pembangunan standard NOSS

6	Pusat Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Kebudayaan & Kesenian	a) Pelaksanaan Latihan SLDN b) Perkongsian kepakaran c) Persijilan pekerja mahir
7	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Distributive Trade	a) Persijilan pekerja mahir
8	Finance Accreditation Agency (FAA)	Money Services	a) Pembangunan standard NOSS b) Perkongsian kepakaran

Jadual 5.2: Agensi / industri yang bekerjasama dengan JPK bagi tahun 2016

**Skop bagi Memorandum of Understanding (MoU) melalui kerjasama dengan agensi/industri meliputi perkara berikut:**



Sebagai menyahut hasrat Kerajaan untuk mengupayakan TVET yang diterajui industri, enam (6) aktiviti kerjasama atau MoU telah dijalinan dengan agensi / industri dalam tahun 2016. MoU tersebut adalah seperti di Jadual 5.3:

Bil	Aktiviti Kerjasama	Tarikh
1	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	18 Februari 2016
2	Seminar Program Akreditasi Kimpalan Dual-Certification SKM/CSWIP 2016	30 Mei 2016
3	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	24 Mac 2016
4	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	24 Mac 2016
5	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK)	8 Ogos 2016

6	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) , Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) sempena Karnival KEKK ASC 2017 di MAEPS Serdang	25 September 2016
7	Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPK dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	21 Oktober 2016

Jadual 5.3: Aktiviti Kerjasama Atau Mou bersama Agensi / Industri pada tahun 2016



Gambar aktiviti MoU

Selain itu, bagi memperkukuhkan pembangunan modal insan, aktiviti dan program SLDN turut menjalinkan kerjasama bersama agensi/ industri seperti di Jadual 5.4.

Bil	Program	Tarikh
1	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Malaysia Furniture Council (MFC) Dan VTAR Institute	03 / 03 / 2016
2	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Universiti Kebangsaan Malaysia Dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran & Jabatan Kebajikan Masyarakat Dan Pelancaran FSSK, UKM Sebagai Pusat Latihan SLDN	24 / 03 / 2016
3	Launch Of SLDN Program (JPK) By MATTA at MATTA Fair 2 – 4 September 2016	01 / 09 / 2016
4	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak & Wakaf Tapai Dengan Esquel Malaysia Sdn. Bhd.	31 / 10 / 2016
5	Majlis Pra Pelancaran SLDN KK Mart	02 / 11 / 2016
6	Majlis Pelancaran Program Sldn Bersama Industri & Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Syarikat Bersama IKBN Peretak Dengan Kerjasama JPK	21 / 10 / 2016
7	Majlis Pelancaran Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Dan Majlis Penyerahan Sijil Kemahiran Malaysia Kaedah PPT Sempena Majlis Perasmian Sewing World Bertemakan "We Share, We Care"	14 / 12 / 2016

Jadual 5.4: Jalinan kerjasama agensi/industri bagi program SLDN

**BAB**

**06**

The background features a large olive green triangle on the left side. The right side is white with a diagonal line separating it from the green. On the far right, there are overlapping geometric shapes in shades of purple, pink, and blue, including circles and polygons.



**PERTANDINGAN KEMAHIRAN  
MALAYSIA**

# PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA



## 6.1 MAJLIS PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (MPKM)

MPKM merupakan majlis yang dianggotai oleh wakil dari agensi awam dan swasta yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. MPKM adalah bertujuan untuk menentukan dasar dan hala tuju penganjuran pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan penyertaan Malaysia di *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)*. Pada tahun 2016, sebanyak tiga (3) kali MPKM telah bersidang.

Bil	Tarikh	Tempat
Bil. 1/2016	5 April 2016	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur
Bil. 2/2016	23 Jun 2016	Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur
Bil. 3/2016	16 November 2016	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Kuala Lumpur

Jadual 6.1: Persidangan MPKM

## 6.2 ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2016

ASC merupakan pertandingan kemahiran peringkat serantau yang mula dianjurkan dari tahun 1992 khusus untuk belia-belia mahir diseluruh negara ASEAN. Pertandingan ini adalah bertujuan untuk mempromosikan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta menggalakkan kerjasama erat antara pihak kerajaan, industri dan agensi latihan di antara negara-negara ASEAN. Pertandingan ini

juga merupakan persiapan negara-negara ASEAN ke *World Skills Competition (WSC)*. ASC dianjurkan setiap 2 tahun sekali secara bergilir-gilir di kalangan negara ASEAN dan Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1995, 2008 dan terbaharu tahun 2016. ASC 2016 telah berlangsung dengan jayanya dari 23 hingga 28 September 2016 bertempat di Malaysia Agro Exposition Park (MAEP) Serdang.

Pada ASC Kuala Lumpur 2016, seramai 271 orang belia dari 10 negara ASEAN telah beraksi dalam 25 bidang kemahiran bagi merebut gelaran juara. Peserta Negara seramai 50 orang telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang dengan berjaya menyumbangkan 24 pingat emas, 4 pingat perak dan 5 pingat gangsa yang melayakkan Malaysia berada pada kedudukan tempat pertama. ASC 2016 merupakan pencapaian negara yang terbaik dan cemerlang.

Serentak dengan penganjuran ASC 2016 turut diadakan Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2016. Pelbagai aktiviti kemahiran diadakan antaranya konvokesyen, seminar TVET, demonstrasi kemahiran, Malaysia Book of Records (MBOR), pameran dan lain-lain. Program ini telah berjaya menarik 127,500 orang pengunjung dari dalam dan luar negara.

Penganjuran ASC Kuala Lumpur 2016 telah diiktiraf yang terbaik sejak penganjurannya dari tahun 1995 yang turut diakui oleh Presiden WorldSkills International, Mr. Simon Bartley yang hadir semasa majlis perasmian ASC 2016.

### 6.2.1 Persediaan ASC 2016

#### (a) Program Motivasi Peserta ASC 2016

JPK, Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya bagi mengadakan tiga (3) siri program motivasi bagi persediaan peserta ke ASC 2016, Kuala Lumpur. Objektif program ini adalah bagi memberi motivasi dan kesedaran kepada peserta Malaysia untuk lebih terus berdaya saing, juga memberi pemahaman kepada peserta mengenai tanggungjawab dan peranan yang dipikul sebagai “wakil Malaysia” ke ASC 2016; dan memberi pendedahan dan penerangan mengenai persediaan diri ke ASC 2016.

Siri	Tarikh	Tempat
Siri 1	26-28 Mac 2016	Cheringin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik, Bentong, Pahang
Siri 2	28-31 Mei 2016	Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor
Siri 3	19-21 September 2016	Hotel Palm Garden, Putrajaya

Jadual 6.2: Siri Program Motivasi Peserta ASC 2016



Gambar Program Motivasi Peserta ASC 2016

**(b) Organizing Committee Meeting (OCM) dan Technical Committee Meeting (TCM)**

	<b>Organizing Committee Meeting (OCM)</b> Dihadiri oleh pegawai atasan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi membincangkan dasar-dasar dalam pelaksanaan kemahiran. Pengesahan keputusan pertandingan dibuat di OCM.	<b>Technical Committee Meeting (TCM)</b> Dihadiri oleh pakar-pakar teknikal dari negara ASEAN bagi setiap bidang kemahiran yang disertai.
Sesi 1	1 - 4 Jun 2015	24 - 29 April 2016
Sesi 2	2 September 2016	20 September 2016
Sesi 3	28 September 2016	28 September 2016

Jadual 6.3: Sesi OCM dan TCM



**(c) Majlis Amanat Kepada Peserta dan Pakar Negara ASC 2016. Disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hj Ismail bin Hj Mutallib, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 23 Jun 2016.**



**(d) Majlis Penyampaian Amanat dan Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Negera ASC 2016, 20 September 2016, Hotel Marriot, Putrajaya.**



## 6.2.2 Aktiviti Sepanjang ASC 2016

### (a) Pertandingan

ASC 2016 ini melibatkan penyertaan dari semua sepuluh (10) buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei, Cambodia, Filipina, Indonesia, Laos PDR, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam. Seramai 271 orang belia dari 10 Negara telah menonjolkan bakat kemahiran yang tinggi dalam 25 bidang kemahiran di mana 18 bidang diurusetiakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia manakala 7 bidang oleh Kementerian Kerja Raya. Pertandingan diadakan bermula 24 hingga 26 September dan bidang yang dipertandingkan adalah seperti di Jadual 6.4.

Jabatan Pembangunan Kemahiran	Kementerian Kerja Raya
1. Aircraft Maintenance	1. Welding
2. Automobile Technology	2. Plumbing and Heating
3. Beauty Therapy	3. Electrical Installations
4. Cooking	4. Bricklaying
5. Cabinet making	5. Painting & Decorating
6. Electronics	6. Mechanical Engineering Design CAD
7. Fashion Technology	7. Refrigeration and Air-Conditioning
8. Graphic Design Technology	
9. Hairdressing	
10. Industrial Automation	
11. Information Network Cabling	
12. IT Software Solution for Business	
13. IT Network System Administration	
14. Mechatronics	
15. Restaurant Service	
16. Web Design	
17. Mobile Robotic	
18. CNC Maintenance	

Jadual 6.4: Bidang kemahiran yang dipertandingkan semasa ASC 2016



## ***GAMBAR SEMASA PERTANDINGAN ASC 2016***

### (b) One School One Country (OSOC)

Program OSOC telah diadakan pada 24 September 2016 yang melibatkan beberapa lokasi sekolah terpilih. Program ini merupakan agenda wajib setiap kali penganjuran ASC. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaian serta keunikan budaya Malaysia kepada anggota delegasi yang terlibat dengan ASC 2016. Sembilan (9) buah sekolah sekitar lembah klang telah dipilih untuk menjadi hos bagi menjalankan pelbagai acara dan aktiviti ramah mesra bersama delegasi negara-negara yang menyertai ASC 2016.

Bil	Negara ASEAN	Sekolah
1	Laos PDR	SMK Bandar Baru Bangi
2	Cambodia	SMK Puchong
3	Filipina	SMK Cyberjaya
4	Indonesia	SMK Desa Serdang
5	Myanmar	SMK Kajang Utama
6	Malaysia	SMK Bandar Baru Salak Tinggi
7	Thailand	SMK Engku Husain
8	Singapura	SMK Seafield
9	Vietnam	SMK Dengkil

Jadual 6.5: Nama-nama sekolah bagi Program OSOC





Gambar aktiviti di bawah Program OSOC

### (c) City Tour

Program *City Tour* telah diadakan pada 27 dan 28 September 2016. Tujuan program ini diadakan bagi memperkenalkan tempat-tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur kepada anggota deligasi yang terlibat dengan ASC 2016. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Masjid Negara, Pasar Seni, Royal Selangor Pewter, Istana Negara, dan Tugu Peringatan Negara.



Gambar lawatan semasa Program City Tour ASC 2016

### (d) Majlis Perasmian & Penutup ASC 2016

PERKARA	TARIKH	TEMPAT	PERASMI
Majlis Perasmian ASEAN Skills Competiton (ASC) 2016	23 September 2016	PICC Putrajaya	YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem Menteri Sumber Manusia
Majlis Penutup ASEAN Skills Competiton (ASC) 2016	28 September 2016	PICC Putrajaya	YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Timbalan Perdana Menteri

Jadual 6.6: Majlis Perasmian dan pentup ASC 2016





















world skills  
ASEAN   
Kuala Lumpur 2016

### 6.2.3 Keputusan Pertandingan

(a) Keputusan kutipan pingat bagi setiap negara adalah seperti di Jadual 6.7.

Negara				Pingat Kecemerlangan
Malaysia	22	4	5	6
Indonesia	13	2	7	14
Vietnam	7	5	4	15
Thailand	5	1	6	13
Singapura	1	1	7	8
Filipina	1	1	4	6
Cambodia	0	0	1	3
Lao PDR	0	0	0	2
Myanmar	0	0	0	2
Brunei	-	-	-	-
<b>TOTAL</b>	<b>49</b>	<b>14</b>	<b>34</b>	<b>69</b>

Jadual 6.7: Pungutan Pingat ASC 2016

(b) Keputusan kutipan pingat bagi peserta Malaysia adalah seperti di Jadual 6.8.

Bidang	Nama Peserta	Agensi	Pingat
<i>Automobile Technology</i>	Mohamad Farhan Zaki	GIATMARA Kota Bharu	Emas & Best of Nation
	Muhammad Asyraff Yusni	International College of Automotive (ICAM)	Emas
<i>Mechatronics (2 per team)</i>	Muhamad Zulhisyam Hairoman / Fathul Ammar Amsyar Hasbullah	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam	Emas
<i>Mechanical Engineering Design</i>	Muhd Syafiq Tumin	German Malaysia Institute	Emas
<i>Welding</i>	Muhammad Zulhilmi Mohd Saberi	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Arau	Emas

Bidang	Nama Peserta	Agensi	Pingat
<i>Aircraft Maintenance (Demo)</i>	Muhammad Aiman Anuar (Training Academy)	Malaysian Aviation Training Academy	Emas
	Muhammad Aiman Anuar (Training Academy)		
<i>Plumbing &amp; Heating</i>	Mohd Ferdaus Zakaria	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan	Emas
<i>Electronics</i>	Muhammad Yusri Baharuddin	Mara Japan Industrial Institute (MJII)	Emas
	Muhammad Najmuddin Abdul Nasir		
<i>Electrical Installation</i>	Ku Siti Khadijah Ku Pera	GIATMARA Arau	Emas
<i>Bricklaying</i>	Muhammad Din Duin	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan	Emas
<i>Cabinetmaking</i>	Mohd Izuwan Mat Rabi	Institut Kemahiran Mara (IKM) Sungai Petani	Emas
<i>Hairdressing</i>	Michelle Soo Lee Min	GIATMARA Gaya	Emas
	Carolina Eve Sambag		
<i>Beauty Therapy</i>	Tieu Jeng Yee	Izuna Beauty Academy	Emas
	Nurul Atika Shafiqah Mohd Zamri	GIATMARA Prima Tasek Gelugor	Emas
<i>Fashion Technology</i>	Marufah Jailan	Politeknik Ibrahim Sultan	Emas
<i>Cooking</i>	Lai Jia Yi	Taylor University College	Emas
<i>Restaurant Service</i>	Aiman Syamil Azmi	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Arau)	Emas
<i>Refrigeration &amp; Air Conditioning</i>	Amir Hamzah Md Isa	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra	Emas
	Mohammad Afiz Ruslan	GIATMARA Putatan	Emas
<i>IT Network System Administration</i>	Muhammad Hafeez Afandi	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ledang	Emas
<i>Industrial Automation (2 per team)</i>	Muhammad Ifthiqad Mohd Issam	Institut Kemahiran Mara (IKM), Beseri	Emas
	Muhammad Izzat Nazam	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Balik Pulau	Emas
<i>Painting &amp; Decorating</i>	Hapiszudin Shamsuddin	ABM Wilayah Selatan, Johor	Emas
	Muhammad Zulkifli Sahdan		Emas
<i>Information Network Cabling</i>	Mohd Ridzuan Gani	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas	Perak
<i>Electrical Installation</i>	Mohamad Fitri Abu Bakar	GIATMARA Balik Pulau	Perak
<i>CNC Maintenance (2 per team)</i>	Muhamad Farid Al Hafiz Mohd Yazid	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Balik Pulau	Perak
	Mohd Yusrizal Hafizie Mohd Yusoff	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim	Perak

Bidang	Nama Peserta	Agensi	Pingat
<i>Plumbing &amp; Heating</i>	Ridzuan Sibawon	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan	Perak
<i>Welding</i>	Haikal Mohamad Jumaili	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam	Gangsa
<i>Web Design</i>	Teoh Jia Jun	TAR University College	Gangsa
<i>Bricklaying</i>	Muhammad Syazwan Ali Mohtar	GIATMARA Tanjung Piai	Gangsa
<i>Fashion Technology</i>	Aina Shahira Amirudin	GIATMARA Titiwangsa	Gangsa
<i>Restaurant Service</i>	Chin Pheynie	Kolej Komuniti Langkawi	Gangsa
<i>Information Network Cabling</i>	Muhammad Asri Shahrul Anuar	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas	Pingat Kecemerlangan
<i>Mechanical Engineering Design</i>	Akmal Hisyam Bahri	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu	Pingat Kecemerlangan
<i>IT Software Solution For Business</i>	Lee Song	Multimedia University (MMU)	Pingat Kecemerlangan
<i>Cabinetmaking</i>	Zamri Mohamad Supiah	Institut Kemahiran Mara (IKM) Tan Sri Yahya Ahmad	Pingat Kecemerlangan
<i>Graphic Design Technology</i>	Muhamad Hafizuddin Abdul Manas	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Balik Pulau	Pingat Kecemerlangan
	Imran Hakim Lamin	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Rembau	
<i>IT Software Solution For Business</i>	Muhamad Kharil Halil	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Mersing	Sijil Penyertaan
<i>Web Design</i>	Mohd Firdaus Safran	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu	Sijil Penyertaan
<i>Mobile Robotics (2 per team)</i>	Muhammad Irfan Husaini Amir / Muhammad Solihin Kadir	UniKL-Malaysia France Institute	Sijil Penyertaan
<i>Cooking</i>	Mohamad Amir Suparman	Institut Teknologi Perak	Sijil Penyertaan
<i>IT Network System Administration</i>	Jeffrey Ting Ming Yeong	TAR University College	Sijil Penyertaan

Jadual 6.8: Keputusan pertandingan bagi bidang yang disertai oleh peserta Malaysia

## 6.3 WORLDSKILLS COMPETITION (WSC) 2017

Pertandingan WSC merupakan pertandingan kemahiran peringkat tertinggi yang diadakan pada setiap dua (2) tahun sekali dalam memberi pengiktirafan kepada belia-belia berkemahiran unggul di seluruh dunia. *WorldSkills International* (WSI) merupakan organisasi yang menguruskan penganjuran WSC ini. Pada tahun 2017, WSC yang ke-44 akan berlangsung di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu pada bulan Oktober 2017 dimana Jabatan Pembangunan Kemahiran diberi tanggungjawab dalam menguruskan penyertaan negara ke WSC 2017 tersebut.



WorldSkills General Assembly 2016



Majlis Penghargaan Pemenang Pingat WSC 2015 pada 23 Februari 2016 yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib di SI Barber, Sri Iskandar, Perak.



# WORLD SKILLS COMPETITION WSC2017

**BAB**

**07**





## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



## 7.1 PERJAWATAN

Bagi merealisasikan visi dan misi Jabatan sebagai peneraju dalam membangunkan tenaga kerja mahir Negara, Jabatan telah diperuntukkan sebanyak 680 perjawatan yang merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya dan Cyberjaya), CIAST dan enam (6) Pejabat Wilayah. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 630 (92.65%) jawatan daripada pelbagai kategori telah diisi seperti dalam Jadual 7.1.

Lokasi & Kategori Jawatan	Pengurusan & Profesional		Pelaksana	
	Perjawatan	Kekosongan	Perjawatan	Kekosongan
JPK Putrajaya & Cyberjaya	167	16	125	10
